

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

SOALAN NO. 297

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan atau kontrak yang diberikan kepada Syarikat One Medicare yang bertanggungjawab menyediakan bantuan perkhidmatan kepada seluruh hospital di Sarawak, mengikut hospital dan adakah bayaran tersebut relevan dan adakah kajian semula akan dibuat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) di Sarawak adalah melibatkan 22 Hospital yang meliputi perkhidmatan menyeluruh yang merangkumi *comprehensive maintenance* serta penggantian alat-alat ganti peralatan serta aset di hospital. Anggaran keperluan peruntukan PSH tahun 2019 bagi 22 Hospital di Sarawak yang diuruskan oleh syarikat One Medicare Sdn Bhd adalah berjumlah RM183 juta. Anggaran tersebut adalah untuk pembayaran yuran syarikat One Medicare Sdn Bhd bagi perkhidmatan PSH seperti berikut:

1. *Facility Engineering Maintenance Services* (FEMS)
2. *Biomedical Engineering Maintenance Services* (BEMS)
3. *Linen & Laundry Services* (LLS)
4. *Cleansing Services* (CLS)
5. *Healthcare Waste Management Services* (HWMS)
6. *Facilities Management Services* (FMS)

Kadar penyelenggaraan yuran PSH bagi hospital-hospital di negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada kadar penyelenggaraan yang telah diluluskan pada tahun 2003 dan masih digunakan sehingga kini. Justeru Kerajaan telah mendapat *value for money* (dengan izin) bagi perkhidmatan yang diberikan untuk meningkatkan penyampaian kesihatan terbaik kepada rakyat. Selaras dengan keperluan obligasi Perjanjian Konsesi PSH yang berkuatkuasa pada 1 April 2015, kajian semula kadar akan dibuat pada tahun kelima Perjanjian, iaitu pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.